




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

19 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,356 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 185,577 kes. Sebanyak 35 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 14 kes kes di Sandakan, sembilan (9) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Keningau, dua (2) kes di Putatan dan Lahad Datu manakala Kunak, Ranau, Tawau, Penampang dan Nabawan masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,912 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 160,414 orang. Manakala 4,106 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,408 orang di hospital, 2,589 orang di Pusat Kuarantidan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 100 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 213 orang merangkumi 165 di ICU/repurposed kritikal care serta 48 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 72 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah masih meneruskan trend penurunan jangkitan dan merupakan angka terendah yang direkod sejak 11 Ogos 2021. Hari ini jumlah kes yang direkodkan ialah (1,356) kes dengan penurunan sebanyak (-39) kes berbanding semalam.
- b. Secara keseluruhan, pola perubahan angka bagi daerah-daerah di Negeri Sabah adalah tidak statik dengan jumlah daerah mencatatkan peningkatan kes adalah lebih tinggi berbanding kumulatif kes Negeri yang menurun pada hari ini dengan statistik 12 daerah mencatatkan peningkatan, sembilan (9) daerah mencatatkan penurunan kes dan lima (5) daerah lagi kekal dengan catatan sebagaimana semalam.
- c. Kota Kinabalu mencatatkan peningkatan kes dengan catatan (220) kes, merekodkan sebanyak (+60) peningkatan kes. Faktor yang mempengaruhi peningkatan kes bagi Kota Kinabalu ialah sejumlah (78) kes positif yang melibatkan pekerja-pekerja pelantar minyak (off shore) milik Petronas.
- d. Antara daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara ialah Pitas (+45) kes, Penampang (+14) kes, Tambunan (+13) kes dan Tenom (+11) kes. Daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara pula ialah Putatan (-48) kes, Sandakan (-47) kes, Kinabatangan (-43) kes, Kota Marudu (-26) kes dan Tuaran (-12) kes. Terdapat (11) kes melibatkan OKT/bantuan yang dicatat hari ini.
- e. Daripada (1,356) kes yang didaftar hari ini, (606) kes atau 44.69% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (32) kes atau 2.36% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (13) kes atau 0.96% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- f. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (766) kes atau 56.5%, Saringan Bergejala (380) kes atau 28.0%, (11) kes daripada Saringan Kluster atau 0.8% dan (199) kes atau 14.7% melalui Saringan Lain-lain.

- g. Daripada (1,356) kes yang berdaftar hari ini, (337) kes atau 24.85% adalah pesakit dalam Kategori 1, (933) kes atau 68.81% dalam Kategori 2, sembilan (9) kes dalam Kategori 3, sembilan (9) kes dalam Kategori 4 dan sembilan (9) kes dalam Kategori 5. (59) kes masih dalam siasatan. 94.54% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- h. Penduduk yang menerima vaksin setakat 18 September 2021 bagi Dos 1, Dos 2 dan juga Vaksin Cansino adalah berjumlah 51,013 orang menjadikan kumulatif sebanyak 2,059,354 atau 72.3% dari populasi dewasa yang sudah menerima vaksin. Manakala penduduk yang telah lengkap divaksin adalah seramai 1,560,178 atau 56.6% dari populasi dewasa. Pada hari ini juga sejumlah 24,667 golongan remaja telah menerima vaksin menjadikan kumulatif penerima vaksin di kalangan remaja sebanyak 63,826 atau 15% daripada 426,000 remaja antara 12-17 tahun di Negeri Sabah.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (766) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	11	0.8%
2	Bergejala	380	28.0%
3	Kontak	766	56.5%
4	Bersasar	0	0.0%
5	Lain-lain	199	14.7%
JUMLAH		1,356	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (18 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 18/09/2021	Catatan Kes 19/09/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	160	220	+60
2	Pitas	36	81	+45
3	Penampang	57	71	+14
4	Tambunan	18	31	+13
5	Tenom	20	31	+11
6	Papar	64	69	+5
7	Telupid	15	19	+4
8	Beluran	23	26	+3
9	Keningau	67	70	+3
10	Tongod	18	20	+2
11	Kudat	19	20	+1
12	Sipitang	6	7	+1
13	Kalabakan	8	8	Mendatar
14	Kuala Penyu	8	8	Mendatar
15	Ranau	36	36	Mendatar
16	Semporna	13	13	Mendatar
17	Beaufort	14	14	Mendatar
18	Kota Belud	78	78	Mendatar
19	Putatan	67	19	-48
20	Sandakan	159	112	-47
21	Kinabatangan	60	17	-43
22	Kota Marudu	84	58	-26
23	Tuaran	106	94	-12
24	Nabawan	36	27	-9
25	Kunak	27	19	-8
26	Lahad Datu	127	122	-5
27	Tawau	69	66	-3
JUMLAH		1,395	1,356	-39

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (05 – 18 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	94	39	0	87	220	3,986
Lahad Datu	0	41	72	0	9	122	1,424
Sandakan	0	63	22	0	27	112	2,694
Tuaran	0	77	16	0	1	94	1,846
Pitas	0	66	3	0	12	81	570
Kota Belud	0	46	23	0	9	78	1,041
Penampang	0	35	33	0	3	71	1,406
Keningau	7	48	14	0	1	70	1,082
Papar	0	23	41	0	5	69	1,309
Tawau	0	35	27	0	4	66	1,145
Kota Marudu	0	40	14	0	4	58	1,010
Ranau	0	20	10	0	6	36	737
Tenom	0	20	9	0	2	31	393
Tambunan	0	26	3	0	2	31	220
Nabawan	0	22	4	0	1	27	399
Beluran	0	24	2	0	0	26	529
Kudat	0	14	3	0	3	20	550
Tongod	0	18	0	0	2	20	319
Putatan	0	5	13	0	1	19	891
Kunak	0	8	10	0	1	19	370
Telupid	0	19	0	0	0	19	545
Kinabatangan	4	7	5	0	1	17	765
Beaufort	0	9	3	0	2	14	300
Semporna	0	0	2	0	11	13	242
Kuala Penyu	0	5	0	0	3	8	59
Kalabakan	0	0	8	0	0	8	228
Sipitang	0	1	4	0	2	7	113
JUMLAH	11	766	380	0	199	1,356	24,173

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	7
Kinabatangan	Kluster Sawit Kinabatangan 2	1
	Kluster Sungai Bendera	3
JUMLAH		11

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,301 unit

- Hospital 1,918 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,683 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 56.24%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 19 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,340
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	5
Orang Dalam Tahanan /Banduan	11
Jumlah	1,356

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	1
WP Kuala Lumpur	3
Sarawak	1
Jumlah	5

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,282
Bukan Malaysia	74
Jumlah	1,356

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	251
Belum Menerima Vaksin	529
Menerima 1 Dos	91
Lengkap 2 Dos	485
Jumlah	1,356

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	16
1 to 5	109
6 to 11	126
12 to 17	122
18 to 59	858
>60	125
Jumlah	1,356

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 19 September 2021)
1	Ranau	8
2	Kota Marudu	4
3	Keningau	3
4	Kota Kinabalu	3
5	Kudat	3
6	Papar	3
7	Tawau	3
8	Beluran	2
9	Kota Belud	2
10	Putatan	2
11	Lahad Datu	1
12	Telupid	1
13	Tenom	1
JUMLAH		36

D SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2)

SOP rumah ibadat bukan Islam (Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2) kemudahan penerima lengkap divaksin bermula 20 September 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Taman Pantai Lok Kawi, Papar	20 September 2021	Dilanjutkan dari 21 September 2021 sehingga 4 Oktober 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Buanog, Matunggong, Kudat	24 Ogos 2021	Ditamatkan pada 20 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Tetabuan, Beluran	7 September 2021	Ditamatkan pada 20 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Magatang, Keningau	7 September 2021	Ditamatkan pada 20 September 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Kilanas, Ranau	7 September 2021	Ditamatkan pada 20 September 2021 seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Penduduk yang menerima vaksin setakat 18 September 2021 bagi Dos 1, Dos 2 dan juga Vaksin Cansino adalah berjumlah 51,013 orang menjadikan kumulatif sebanyak 2,059,354 atau 72.3% dari populasi dewasa yang sudah menerima vaksin. Manakala penduduk yang telah lengkap divaksin adalah seramai 1,560,178 atau 56.6% dari populasi dewasa. Pada hari ini juga sejumlah 24,667 golongan remaja telah menerima vaksin menjadikan kumulatif penerima vaksin di kalangan remaja sebanyak 63,826 atau 15% daripada 426,000 remaja antara 12-17 tahun di Negeri Sabah.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **607,577** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 80 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 27,990 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 137 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 22 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Empat (4) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - 13 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Dua (2) Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 119 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 51 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil satu (1) tangkapan di buat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 (JPDS).
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 974 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak tujuh (7) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di enam (6) di daerah Lahad Datu dan satu (1) di daerah Tawau. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 343 premis perniagaan dan 561 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di CCK Local City Mall (2 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 221 Premis Perniagaan melibatkan 125 anggota APM. Sebanyak 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 28 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 229 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 368 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96.5%
2	Beluran	96.5%
3	Tenom	96.5%
4	Kunak	96.5%
5	Tuaran	96.5%
6	Keningau	96.5%
7	Kota Marudu	96.5%
8	Ranau	96.5%
9	Kota Kinabalu	96%
10	Sipitang	96%
11	Beaufort	96%
12	Kota Belud	96%
13	Papar	96%
14	Kudat	96%
15	Penampang	96%
16	Kinabatangan	96%
17	Lahad Datu	96%
18	Sandakan	95.5%
19	Tawau	95%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II


KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
**SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2)
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 20/09/2021**

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di Rumah Ibadat Bukan Islam sebelum upacara sembahyang.	6 pagi - 8 malam 30% kapasiti ruang rumah ibadat bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran untuk penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan penganut yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan memasuki ruang Rumah Ibadat Bukan Islam Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh dan peralatan sembahyang Ahli Jawatankuasa Pengurusan memastikan jarak dalam dewan dan ruang ibadat sekurang-kurangnya 1 meter Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan penganut DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir .	Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat Bukan Islam Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir Ahli Jawatankuasa Pengurusan hendaklah memastikan penganut telah lengkap divaksin Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan dan sanitasi rumah ibadat.	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul atau berhimpun di luar Rumah Ibadat Bukan Islam Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang belum lengkap divaksin untuk memasuki ruang Rumah Ibadat Bukan Islam Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Upacara atau aktiviti yang melibatkan sentuhan Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 19 September 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 20/09/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan semasa berada di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam.	6 pagi - 8 malam 30% kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang.	Pematuhan SOP diwajibkan Penganut diwajibkan mengikut ketetapan tempat sembahyang yang disediakan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Upacara atau aktiviti yang melibatkan sentuhan Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 19 September 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 20/09/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa keluar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam	6 pagi - 8 malam 30% kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal Cara keluar rumah ibadat mesti mengikut penjarakan fizikal Petugas rumah ibadat perlu memastikan penganut telah beredar selepas sembahyang Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (<i>packed food</i>)	Pematuhan SOP diwajibkan. Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai dalam keadaan tertib.	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul, berhimpun, bersalaman, berpelukan dan bersembang di dalam dan di luar Rumah Ibadat Bukan Islam Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Petugas memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam.

Tarikh dikemaskini: 19 September 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 20/09/2021 (UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN)

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN Upacara semasa pemberkatan perkahwinan	6 pagi - 8 malam Tempoh upacara pemberkatan perkahwinan tidak melebihi 2 jam 30% kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib memastikan pengamalan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter Petugas memastikan Ahli keluarga dan penganut untuk membawa peralatan sembahyang masing-masing Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	SOP Rumah Ibadat Bukan Islam wajib dipatuhi.	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam Perkongsian peralatan sembahyang Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.

Tarikh dikemaskini: 19 September 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 20/09/2021 (UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN)

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN Upacara selepas pemberkatan perkahwinan	6 pagi - 8 malam Tempoh upacara pemberkatan perkahwinan tidak melebihi 2 jam 30% kapasiti ruang Rumah Ibadat Bukan Islam dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib memastikan pengamalan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter Petugas memastikan Ahli keluarga dan penganut untuk membawa peralatan sembahyang masing-masing Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (<i>packed food</i>) Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir .	SOP Rumah Ibadat Bukan Islam wajib dipatuhi.	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul, berhimpun, bersalaman, berpelukan dan bersembang di dalam dan di luar Rumah Ibadat Bukan Islam Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan Petugas memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam.

Tarikh dikemaskini: 19 September 2021